

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD**

**KAWASAN** : **MUKAH**

**TARIKH** : **22.3.2017 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN** : **59**

**YB DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam menitikberatkan pembangunan sektor automotif secara menyeluruh disebabkan keadaan ekonomi pada tahun 2016 telah memberi kesan terhadap pembelian kereta.

**Jawapan**

Tuan Yang Di Pertua,

Tahun 2016 mencatatkan penurunan jualan tahunan kenderaan atau *total industry volume* (TIV) sebanyak 13% iaitu sebanyak 666,677 unit bagi tahun 2015 kepada 580,124 unit bagi tahun 2016. Bagi tahun 2017, industri automotif tempatan dijangka menghadapi situasi yang mencabar seperti tahun sebelumnya. Antara faktor kelembapan pasaran automotif Malaysia adalah disebabkan beberapa faktor termasuk kejatuhan mata wang Ringgit, ketidaktentuan ekonomi dunia serta sentimen pengguna.

Oleh yang demikian, Kerajaan dalam hal ini telah merangka beberapa strategi untuk memastikan prestasi industri automotif tempatan terus berdaya saing. Ini termasuk:

- i. terus menawarkan insentif pengurangan duti eksais kepada syarikat-syarikat pengeluar kereta yang terlibat dalam aktiviti nilai tambah dengan menggunakan komponen tempatan automotif (*localisation*) bagi mengurangkan kos pemasangan dan pengeluaran kenderaan di samping menggalakkan pertumbuhan industri komponen dan alat ganti tempatan;
- ii. mendapatkan akses pasaran bebas cukai yang lebih besar kepada produk-produk automotif tempatan, khususnya komponen dan alat ganti dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) seperti Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (ATIGA), Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan FTA dua hala dengan negara negara seperti Jepun, India, Pakistan, Australia, Chile, New Zealand dan Turki. Dalam hal ini, syarikat-syarikat automotif tempatan digalakkan untuk merebut peluang ini untuk meneroka potensi eksport yang lebih meluas;
- iii. melaksanakan pelbagai aktiviti bina upaya melalui *Malaysia Automotive Institute* (MAI) bagi meningkatkan daya saing industri automotif tempatan. Ini termasuk 10 program bagi tujuan pembangunan modal insan dan peningkatan daya saing sektor perkilangan dan lepas jualan (*after market*). Setakat ini, lebih 450 syarikat vendor telah mengikuti program peningkatan daya saing dan 27,000 pekerja industri automotif telah dilatih;

- iv. menitikberatkan pembangunan aktiviti selepas jualan melalui Pembangunan Rangka Kerja Kemudahan Rawatan Kenderaan Lupus Berlesen (Authorized Treatment Facilities - ATF) dan juga Pelan Hala Tuju Sektor Pembuatan Semula (Remanufacturing). Kedua-dua pelan hala tuju ini telah menggariskan panduan dalam mentransformasikan aktiviti-aktiviti selepas jualan dalam usaha membangunkan industri automotif hijau yang lebih mampan pada masa hadapan; dan
- v. pembangunan industri automotif secara berterusan juga dinyatakan oleh Kerajaan dalam Dasar Automotif Nasional 2014 yang menyasarkan Malaysia untuk menjadi hab kenderaan cekap tenaga (*Energy Efficient Vehicle – EEV*) melalui pelaburan strategik dan adaptasi teknologi tinggi oleh syarikat-syarikat automotif untuk pasaran tempatan, serantau dan antarabangsa menjelang tahun 2020.

Kerajaan akan sentiasa memantau prestasi industri automotif agar ia selari dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan di dalam Dasar Automotif Nasional 2014.